

**NO. SOALAN : 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**

**TARIKH : 28 OGOS 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 6**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan perkhidmatan KTMB agar perkhidmatan "13 Set Tren Hibrid Electric-Diesel" di sektor Antara bandar Pantai Timur dapat dimulakan perkhidmatan sebagaimana jadual asal 2018 dan projek naik taraf landasan siap.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KTMB menyediakan 12 perkhidmatan tren Antarabandar yang melalui sektor Pantai Timur antara Gemas dan Tumpat menggunakan stokereta konvensional iaitu lokomotif, koc dan *power generating car*.

KTMB merancang untuk memperkenalkan perkhidmatan DMU di sektor Pantai Timur yang menggunakan 13 set Diesel Multiple Units yang baharu mulai suku ketiga tahun 2019. Perancangan perkhidmatan ini mengambilkira penerimaan 13 set Diesel Multiple Units baharu secara berperingkat mulai bulan Oktober 2018 sehingga bulan April 2019 serta tempoh masa bagi melaksanakan proses pengujian dan pentauliahan sebelum 13 set Diesel Multiple Units baharu ini boleh dibenarkan untuk beroperasi bagi perkhidmatan DMU.

Selain itu, projek menaiktaraf landasan di sektor Pantai Timur antara Gemas dan Tumpat sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2019. Kemajuan terkini projek ini adalah seperti berikut:

<b>Pakej</b>	<b>Sektor</b>	<b>Status</b>
A	Gemas – Mentakab (122km)	Projek dimulakan pada bulan April 2016 dan dijadualkan siap pada bulan April 2019. Status kemajuan kerja sehingga setakat bulan Julai 2018 adalah 36%.
B	Mentakab – Gua Musang (199km)	Projek dimulakan pada bulan Jun 2016 dan dijadualkan siap pada bulan Jun 2019. Status kemajuan kerja sehingga setakat bulan Julai 2018 adalah 53.0%.
C	Gua Musang – Tumpat (206km)	Projek dimulakan pada bulan Februari 2016 dan dijadualkan siap pada bulan Januari 2019. Status kemajuan kerja sehingga setakat bulan Julai 2018 adalah 46%.